BAHAGIAN C: RUMUSAN
(30 *markah*)

Bahan 1

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan.** *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

LIRIK lagu berjudul, "Keluarga Bahagia" dendangan kumpulan nasyid, Saujana yang antara lainnya berbunyi, "Ketika insan lain berbahagia bersama keluarga. Namun kita masih meniti titian rapuh perhubungan" menyampaikan mesej betapa hubungan kekeluargaan yang lemah dapat mewujudkan rasa tidak bahagia dalam diri individu. Namun begitu, adakah kita sedar tentang erti sebenar keluarga bahagia yang diimpikan oleh setiap insan? Adakah tindakan yang dapat kita lakukan untuk merealisasikan impian ini?

Menurut Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), istilah "keluarga" didefinisikan sebagai, "sebuah unit asas sosial yang membekalkan sumber manusia untuk pembangunan serta menjamin kesinambungan insan sebagai generasi akan datang."

LPPKN merupakan sebuah organisasi yang sentiasa membantu masyarakat mewujudkan suasana yang harmoni dan bahagia dalam setiap keluarga di Malaysia melalui kempen dan program termasuklah program "Utamakan Keluarga: Semakin Hari Semakin Sayang" yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-4, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed pada 31 Julai 2002. LPPKN menyarankan 10 prinsip yang dapat diamalkan dalam usaha untuk mengutamakan keluarga iaitu kasih sayang, ceria bersama keluarga, komunikasi, efektif, nilai kekeluargaan, keibubapaan cemerlang, keseimbangan kerjaya dan keluarga, keselamatan dan kesihatan, ekonomi keluarga, pendidikan dan kemahiran dan dasar mesra keluarga. Hal ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan peka akan pentingnya institusi kekeluargaan dalam membantu pembangunan negara kerana rakyat yang cemerlang dilahirkan dalam keluarga yang harmoni dan sejahtera.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Membentuk Keluarga Bahagia Demi Kesejahteraan Remaja' oleh Noraziah Mohd Amin *Dewan Siswa*, April 2016

Bahan 2

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS